

U 8386 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA)-- KERAJAAN AKAN MENINGKATKAN PENGGUNAAN GAS SEBAGAI SUMBER TENAGA BAGI MENGURANGKAN PERSANTUNGAN KEPADA MINYAK, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KATANYA, MEMANGLAH MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN PENGGUNAAN GAS, DAN KERAJAAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH BAGI MENCAPAI MATLAMAT PENINGKATAN PENGGUNAAN GAS ASLI SEBAGAI SUMBER TENAGA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN DARIPADA ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG), PERDANA MENTERI BERKATA ANTARA LANGKAH-LANGKAH ITU IALAH MENGGALAKKAN PENUBUHAN INDUSTRI PETROKIMIA YANG BERASASKAN GAS ASLI.

KATANYA, LALUAN SALURAN PAIP YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH PROJEK PENGGUNAAN GAS SEHEMANJUNG (PGU) FASA 2 TELAH DIRANCANG MERENTASI KANASAN-KANASAN YANG BERHAMPIRAN DENGAN BANDAR DAN KANASAN PERINDUSTRIAN.

INI AKAN DAPAT MEMUDAHKAN GAS DIBEKALKAN KE SEKTOR-SEKTOR INDUSTRI, PERNIAGAAN DAN RUMAH-RUMAH KEDIAHAN, KATA BELIAU. -- LAGI 1628MST 23 10 88

0277

U 8388 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH-LANGKAH LAIN IALAH MEMPERKENALKAN GAS ASLI MAMPAT (CNG) SEBAGAI BAHAN BAKAR KENDERAAN DI SAMPING MENINGKATKAN PENGETAHUAN, PENGELOMPOKAN DAN KEUPAYAAN TENAGA PEKERJA TEMPATAN DALAM BIDANG INDUSTRI GAS DAN KESUMAANNYA.

KATANYA, PENGGUNAAN GAS ASLI SEKARANG IALAH SEBANYAK 18 PERATUS DARIPADA JUMLAH PENGGUNAAN SUMBER TENAGA, DAN JUMLAH ITU DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 29 PERATUS MENJELANG 1991 DAN KEPADA 40 PERATUS MENJELANG TAHUN 2000.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERLAKSANAAN PROJEK PGU FASA 2 ADALAH MENSIKUT JADUAL DAN SETAKAT INI KIRA-KIRA 23 PERATUS DARIPADA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGAN PROJEK ITU TELAH SIAP DILAKSANAKAN.

BELIAU BERKATA PROJEK ITU, YANG SEKARANG INI DALAM PERINGKAT PERLAKSANAAN, MELIBATKAN PEHASANGAN SALURAN PAIP GAS DARI TERENGGANU KE STESEN-STESEN JANAKUASA DI SELATAN DAN PANTAI BARAT SEHEMANJUNG, PEMBESARAN LOJI MEMPROSES GAS DAN TERMINAL EKSPORT DI TERENGGANU.

KATANYA, MALAUPUN MALAYSIA BARU SAHAJA MEMASUKI ERA GAS TETAPI NEGARA TELAH MULA MENGGUNAKANNYA DALAM KEGIATAN EKONOMI MELALUI PENGGUNAAN GAS ASLI BUAT PERINGKAT PERMULAAN DALAM BIDANG PENJANAANKUASA, INDUSTRI DAN KEGUNAAN DI RUMAH. -- LAGI 1633MST 23 10 88

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM BIDANG PENJAJAAN KUASA, GAS ASLI TELAH DIBEKALKAN KEPADA STESEN-STESEN JANAKUASA PAKA DI TERENGGANU, BINTULU DAN MIRI DI SARAWAK DAN DI LABUAN MANAKALA DALAM PERINDUSTRIAN, GAS ASLI YANG DIPEROLEHI DI SARAWAK TELAH DISALURKAN KE LOJI-LOJI MALAYSIA LNG SON BHD (MHLG) DAN ASEAN BINTULU FERTILIZER SON BHD (ABFF).

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA DR GOH CHENG TEIK (BN-NIBONG TEGAL), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA MEMPUNYAI DASAR UNTUK MEMBEKALKAN GAS ASLI DENGAN HARGA YANG MURAH SEBAGAI INSENTIF KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI DALAM NEGARA SUPAYA MEREKA DAPAT BERSAING DENGAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG MENGGUNAKAN BAHAN BAKAR YANG LAIN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KOS-KOS MENGELUARKAN GAS ASLI ITU DIAMBIL KIRA DALAM MEMBEKALKAN GAS-GAS ASLI TERSEBUT DENGAN HARGA YANG MURAH.

KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN LAIN DARIPADA ENCIK MUTANG TASAL (BN-BUKIT MAS), PERDANA MENTERI BERKATA PERSIDANGAN GASTECH 88 YANG DIAKAKAN DI SINI BARU-BARU INI TELAH MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMBUAT PERBANDINGAN MENGENAI TEKNOLOGI-TEKNOLOGI YANG DIGUNAKAN OLEH MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA YANG MENYERTAI PERSIDANGAN ITU.

KATANYA, BANYAK SYARIKAT ASING YANG MENYERTAI PERSIDANGAN ITU JUGA BERMINAT UNTUK MELABUR DALAM LOJI-LOJI SERTA INDUSTRI GAS ATAU DALAM SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERLIBAT DALAM PENGELUARAN BARANGAN INDUSTRI GAS.

PERSIDANGAN ITU JUGA TELAH MEMARIK PELANCONG KE NEGAR INI, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

1643MST 25 10 88